

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @  
TUBAU [LIBARAN]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) memenuhi aspirasi Keluarga Malaysia dan RMK-12 dalam usaha melahirkan usahawan, serta mempertingkatkan keseimbangan ekonomi di wilayah kurang membangun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) telah menggariskan lima (5) objektif utama bagi aspirasi pembentukannya iaitu:

- (i) Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi yang inklusif, seimbang dan mampan;
- (ii) Membentuk masyarakat yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan;
- (iii) Meningkatkan bilangan usahawan negara yang berkualiti, berdaya maju, berdaya tahan, berfikiran global dan kompetitif;

## SOALAN NO : 27

- (iv) Mempertingkatkan keupayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) serta koperasi; dan
- (v) Menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, Aspirasi DKN 2030 ini telah diselaraskan dengan bidang keutamaan utama di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu mempertingkatkan keupayaan usahawan dan perusahaan melalui strategi pelaksanaan seperti:

- (i) Mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan;
- (ii) Menggalakkan penyertaan inklusif melalui Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), Koperasi dan Persatuan berasaskan pertanian; dan
- (iii) Mewujudkan ekosistem keusahawanan yang kondusif dan menyeluruh.

3. Selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia melalui usaha mempertingkatkan keseimbangan ekonomi antara wilayah kurang membangun seperti yang digariskan dalam RMKe-12, program keusahawanan akan diperkukuh untuk mewujudkan lebih banyak perniagaan baharu dan penciptaan pekerjaan baharu. Inisiatif ini selari dengan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 untuk memastikan penyaluran bantuan yang inklusif merentasi semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah.

Sekian, terima kasih.